



SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN JIT SIN
(SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN)
JALAN BINJAI, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTA JAM
PULAU PINANG, MALAYSIA.
TEL: 04-5391036 FAX: 04-5398707

Kepada,
Pengetua
SMK Taman Perwira,
Simpang Ampat.

Melalui
Pengetua
SMJK Jit Sin (SKK)
Bukit Mertajam.

JEMPUTAN UNTUK MENYERTAI PERTANDINGAN FOTOGRAFI “PENANG STREET”
PERINGKAT NEGERI 2023

Perkara di atas dirujuk.

2. Dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa Kelab Fotografi Tingkatan Enam, SMJK JIT SIN ingin menjemput pelajar Tingkatan Satu hingga Tingkatan Enam dari sekolah tuan untuk menyertai pertandingan di atas.

3. Objektif pertandingan tersebut adalah untuk:

- i. Mempamerkan keindahan negeri Pulau Pinang
- ii. Meningkatkan daya kreatif dalam mempersembahkan tema pertandingan melalui foto tersebut.
- iii. Memupuk minat peserta dalam menangkap gambar yang cantik dan bererti.

4. Tema pertandingan ini ialah “Penang Street”. Pertandingan akan dijalankan secara individu. Keputusan pertandingan dan Sesi Perkongsian Karya dan Teknik Fotografi akan dijalankan semasa majlis penutupan.

5. Pertandingan ini akan diadakan berdasarkan ketetapan berikut:

Butiran Pertandingan

Tempoh Pertandingan :	10/10/2023 - 31/10/2023
Tema :	Penang Street
Kategori Peserta :	A (Tingkatan 1-Tingkatan 3) B (Tingkatan 4-Tingkatan 5) C (Tingkatan 6)
Yuran pendaftaran :	RM10.00

6. Sila rujuk muka surat berikut untuk peraturan dan syarat-syarat pertandingan tersebut.

7. Penyertaan akan dibuat secara online. Borang penyertaan dan foto penyertaan perlu diisi dan dimuat naikan bersama-sama ke Google Forms pertandingan ini <https://forms.gle/dmaiatTtDt9UVa4s9> sebelum 31 Oktober 2023.

8. Link Google Forms terus boleh didapati di laman Facebook pertandingan ini iaitu **Jit Sin Sixth Form Photography**.

9. Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Guru Penasihat	EN. KHAW KIM SENG	016-4147073
Pengerusi	SAUDARI WONG JIN SHUEN	012-4742620
Naib Pengerusi	SAUDARI WONG JOELLE	012-4971021

10. Penyertaan dan maklum balas awal daripada pihak tuan amat kami hargai.

Sekian, Terima Kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PULAU PINANG PENERAJU TRANSFORMASI PENDIDIKAN NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



NG GIM KOOI
Penolong Kanan Tingkatan Enam
Sekolah Menengah J. K. Jit Sin
Sekolah Kluster Kecemerlangan
14000 Bukit Mertajam
Pulau Pinang.



**SEKOLAH MENENGAH JENIS KEBANGSAAN JIT SIN
(SEKOLAH KLUSTER KECEMERLANGAN)
JALAN BINJAI, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM
PULAU PINANG, MALAYSIA.
TEL: 04-5391036 FAX: 04-5398707**

PERATURAN DAN SYARAT-SYARAT

1.0 PERATURAN PERTANDINGAN

- Tema pertandingan ialah “Penang Street”.
- Penyertaan terbuka kepada semua pelajar tingkatan 1 hingga tingkatan 6 di Pulau Pinang sahaja.
- Setiap peserta hanya boleh menghantar **maksimum DUA keping** foto untuk penyertaan pertandingan.
- Hanya **SATU** foto sahaja dengan markah tertinggi akan dipilih untuk pertandingan.
- Foto yang disertakan mestilah foto asli dan diambil sendiri oleh peserta.
- Foto penyertaan akan ditapis dengan Plaghunter dan Pixsy.
- Foto yang disertakan perlulah foto yang tidak pernah digunakan dalam mana-mana pertandingan fotografi atau penerbitan sebelum ini.
- Teknik mengambil foto adalah bebas.
- Sebarang pengubahsuaian atau pengeditan foto adalah **TIDAK DIBENARKAN**.
- Maklumat foto asas perlu dilampirkan.
- Model kamera atau telefon perlu dinyatakan.
- Semua Borang penyertaan dan foto penyertaan yang diserahkan **selepas 31 Oktober 2023 tidak akan dilayan**.

2.0 TARIKH TUTUP PENGHANTARAN FOTO

- Tarikh tutup penghantaran foto adalah **31 Oktober 2023**.
- Foto penyertaan yang dihantar selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

3.0 SERAHAN BORANG PENYERTAAN DAN PENGHANTARAN FOTO

- Tarikh penyertaan dan tarikh penghantaran foto bermula dari 20 June hingga 20 August 2023.
- Borang penyertaan dan foto penyertaan perlu diisi dan dimuat naikan bersama-sama ke **Google Forms** pertandingan ini - <https://forms.gle/dmaiatTtDt9UVa4s9>
- Link google form boleh memujuk laman web Facebook Page pertandingan ‘Jit Sin Sixth Form Photography Club’ dan Instagram ‘@jshsphotography23’ sebelum 31 Oktober 2023.

4.0 YURAN PERTANDINGAN

- Yuran setiap peserta bagi pertandingan ini ialah **RM10**.

5.0 KRITERIA PERMARKAHAN DAN PENILAIAN

- Foto-foto pertandingan akan dinilai oleh panel juri berdasarkan kriteria berikut:
 1. Tema 30%
 2. Kreativiti 30%
 3. Kesan visual 20%
 4. Kemahiran fotografi 20%
- Pihak penganjur berhak membatalkan mana-mana penyertaan jika ianya **Tidak Mematuhi Mana-Mana Syarat Dan Peraturan Pertandingan** tanpa perlu mengemukakan sebarang alasan atau sebab.
- **Keputusan Juri Adalah Muktamad.**

6.0 KEPUTUSAN PERTANDINGAN

- Maklumat terkini pertandingan ini boleh didapati di laman web Facebook Pertandingan - **Jit Sin Sixth Form Photography**.

Kategori Peserta	Tingkatan	Hadiah
Kategori 1	Tingkatan 1 - Tingkatan 3	Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga
Kategori 2	Tingkatan 4 - Tingkatan 5	Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga
Kategori 3	Tingkatan 6	Johan, Naib Johan, Tempat Ketiga

- Hadiah akan diberi mengikut kategori
- Hadiah yang disediakan

Johan	RM150
Naib Johan	RM100
Tempat Ketiga	RM50

7.0 TENTATIF PROGRAM

- Taklimat teknik fotografi dan ceramah tema “Penang Street” akan diberikan kepada peserta pada **25 November 2023** sebelum majlis penutupan.

8.30am	Pendaftaran
9.00am	Perkongsian karya foto dan teknik mengambil foto
10.00am	Rehat
10.15am	Perkongsian daripada pencipta kandungan
11.00am	Majlis Bermula
11:05am	Ucapan perasmian Tuan Pengetua SMJK Jit Sin (SKK)
11:15am	Penyampaian hadiah
11.30am	Sesi Foto
11.45am	Tamat

8.0 HAK MILIK

- Setiap foto yang dihantar untuk pertandingan ini tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik pihak penganjur.
- Pihak penganjur berhak mengguna semula, menerbit atau mempamerkan fotofoto penyertaan di dalam apa jua bentuk media atau medium sama ada empatan atau antarabangsa tanpa sebarang notis atau pembayaran kepada para peserta.